

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapa jumlah dan jenis produk baru pertanian dan makanan dihasilkan sejak 5 tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa menggalakkan dan menyokong pembangunan produk makanan baru bagi meningkatkan nilai tambah hasil pertanian. MAFI melalui Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT) telah menjalankan kerjasama dengan agensi-agensi di bawah MAFI dan lain-lain pihak seperti universiti dalam Program Pembangunan Produk. Pada tahun 2021, seramai 21 orang telah menyertai program ini dengan peruntukan sejumlah RM520,000. Program ini bertujuan untuk membangunkan dan mempelbagaikan keluaran produk hiliran menjadi produk baru premium yang bernilai tinggi untuk pasaran yang lebih luas dan dapat menembusi pasaran luar negara.

Sebagai contoh, Program Pembangunan Produk dengan kerjasama Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd. telah menghasilkan produk industri makanan dan asas tani seperti *patty*

berasaskan nangka serta baja kompos dan baja aromatik manakala kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pula berjaya menghasilkan *patty* berasaskan cendawan. Program ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi menggalakkan penghasilan produk-produk makanan baru di pasaran dalam negara dan bagi tujuan pengeksportan.

MAFI melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) juga giat menghasilkan produk inovasi baharu setiap tahun melalui program-program penyelidikan dan pembangunan (R & D). Perkara ini sekali gus menyumbang kepada pencapaian yang dapat diukur oleh indikator dalam negara dan antarabangsa seperti Tahap Sara Diri (SSL), Nisbah Kebergantungan Import (IDR), Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) serta Matlamat Pembangunan Mapan (SDGs).

Sabtu tahun, MARDI telah berjaya menghasilkan dan mengkomersialkan pelbagai produk pertanian dan makanan di samping memberi khidmat R&D kepada usahawan tempatan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil pengeluaran. Antaranya termasuk pengeluaran cendawan kukur pada tahun 2014, minuman pegaga, cendol segera dan emulsi kelapa pada tahun 2018 serta serbuk rumpai laut pada tahun 2020.

Baru-baru ini, MARDI turut melancarkan empat jenis produk inovasi hasil R&D yang sedia untuk dikomersialkan pada Hari Inovasi MARDI (HIM) 2021. Produk-produk tersebut terdiri daripada krim anti radang jenama CleoSafe berasaskan sayuran maman yang kaya dengan bahan fitokimia semula jadi, air kelapa muda berkarbonat yang mempunyai jangka hayat lebih panjang daripada air kelapa segar, ais krim kelapa kurang kalori yang sesuai bagi pesakit kolesterol tinggi dan minuman terung asam dengan asid hidroksisinamik sebagai produk untuk pengurusan berat badan.

Sekian, terima kasih.